

*Artikel Penyelidikan*

# Zulkifli Ismail: Menelusuri Perjalanan Kehidupan Seorang Anak Seni

Siti Aishah Mokhtar<sup>1,\*</sup>, Nurulannisa Abdullah<sup>2</sup>, Aiman Hakim Aljefri<sup>3</sup>, dan Muhammad Hafiz Supran<sup>4</sup>

<sup>1</sup> UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my  0009-0005-8916-0856;

<sup>2</sup> UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066;

<sup>3</sup> UiTM Cawangan Kelantan; aimansmith08@gmail.com:

<sup>4</sup> UiTM Cawangan Kelantan; adfized@gmail.com;

\* Correspondence: aishah835@uitm.edu.my; 0133869763

**Abstrak:** Temubual ini dilakukan bersama pelakon veteran yang dikenali di Malaysia iaitu Zulkifli Bin Ismail atau lebih dikenali sebagai Zulkifli Ismail dan sesi temubual ini dilakukan adalah untuk mengetahui beliau dalam industri seni di Malaysia. Temubual ini dilakukan secara atas talian iaitu melalui Google Meet yang dilakukan pada 13 hari bulan Februari bermula pada jam 4:30 pagi sehingga 7:10 malam. Zulkifli Ismail mula terlibat dalam industri seni selepas Zulkifli diperkenalkan oleh TV3 sebagai pelakon utama dalam slot cerekrama Basikalku pada sekitar tahun 1986, pada tahun yang sama Zulkifli ke Universiti Sains Malaysia untuk mengikuti pengajian Sijil Seni Kreatif. Sekembali dari USM, Zulkifli menyertai RTM semula sebagai penulis skrip dan penyampai di unit Berita Ehwal Semasa. Sejak tahun 1992 hingga kini, beliau menjadi pelakon sepenuh masa. Bakat lakonan beliau mula dikesan oleh Allahyarham Nasir Ali ketika sedang menyaksikan teater di Dewan Bagunan Kuala Lumpur (DBKL). Sebelum ini beliau merupakan seorang penulis. Semasa menulis, Zulkifli pernah menggunakan beberapa nama samaran termasuk Arjuna Setia dan Dzul Isma. Sejak berusia enam belas (16) tahun, sajak-sajaknya sering tersiar di akbar, majalah dan radio. Sajaknya yang pertama berjudul Ramadhan Tiba Tika Aku Masih Lena disiarkan di akbar Bintang Timur.

Kata kunci: Zulkifli Ismail, pelakon veteran, artis, industri seni.

DOI: 10.5281/zenodo.13968415

---



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Tugasan ini bertujuan untuk menemui bual dan menerangkan segala kajian yang dijalankan dengan mengadakan sesi temubual bersama pelakon veteran. Kajian ini menerangkan segala perkara berkenaan dengan tokoh pilihan penyelidik iaitu Zulkifli bin Ismail, seorang pelakon veteran lama yang terkenal melalui lakonan ASP Razlan dalam siri Gerak Khas dimana beliau membintanginya selama 10 tahun. Encik Zulkifli Ismail juga pernah menggunakan beberapa nama samaran termasuk Arjuna Setia dan Dzul Isma. Kajian dijalankan melalui sesi temubual secara atas talian iaitu Google Meet dimana segala soalan yang disediakan dijawab oleh Encik Zulkifli Ismail.

Sepanjang sesi temubual bersama dengan tokoh, beberapa soalan telah dikemukakan di mana hasil daripada temubual tersebut digunakan untuk penyelidikan ini. Antara soalan-soalan yang dikemukakan adalah untuk mengetahui bagaimakah beliau boleh terlibat di dunia industri lakonan di Malaysia. Seterusnya, penyelidik juga ingin mengetahui bagaimana perjalanan beliau sebagai seorang pelakon yang asalnya beliau merupakan seorang penulis dan juga seorang wartawan. Sesi temubual ini juga mencatatkan maklumat tentang bagaimana sumbangsan dan pengalaman hidup

seorang pelakon senior yang masih berada di dalam industri seni ini meneruskan kerjaya beliau sehingga kini

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Isu yang dihadapi semasa mengendalikan kajian ini ialah masa yang diperuntukkan tidak mencukupi buat penyelidik untuk menyediakan beberapa perkara atas faktor kepadatan jadual tokoh. Oleh kerana penyelidik menghadapi masalah yang tidak dapat dielakkan, penyelidik terpaksa melakukan segala penyediaan dalam masa yang singkat yang menyebabkan punca beberapa masalah untuk menyelesaikan kajian ini dengan sempurna. Setelah melakukan pencarian di internet, maklumat mengenai tokoh pilihan tidak dapat dijumpai kerana kekurangan maklumat berkenaan beliau. Daripada itu, dapat dilihat bahawa artis veteran di Malaysia tidak diberikan pendedahan yang cukup meluas ataupun disanjung oleh rakyat Malaysia kerana mereka merupakan artis yang telah lama dan tidak diambil peduli oleh masyarakat. Ini berbeza dengan negara lain seperti Amerika Syarikat, dimana mereka mempromosikan artis-artis mereka dan menghargai setiap usaha yang diberikan pada masa lalu.

Kajian ini adalah untuk mengetahui mengenai latar belakang Encik Zulkifli Ismail sebagai salah seorang yang dikenali oleh orang ramai dan bagaimana nama beliau boleh menjadi terkenal sebagai gelaran artis veteran di Malaysia. Kajian ini juga dijalankan kerana segelintir generasi muda masih tidak mengenali artis-artis veteran yang berbakat seperti artis yang ada pada zaman sekarang. Generasi muda sepatutnya mengenali artis-artis veteran yang berbakat kerana mereka telah menaikkan reputasi industri filem di Malaysia ini. Tambahan pula, mereka telah banyak berjasa dalam memastikan industri seni di Malaysia ini terus meningkat dengan kualiti lakonan yang dipamerkan oleh mereka. Namun hakikatnya, artis veteran semakin dilupakan di dalam industri filem. Justeru melalui penyelidikan ini diharap dapat menarik perhatian masyarakat terutamanya penggiat seni tanah air terhadap mana-mana artis veteran yang berbakat dan juga berpengalaman.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat asas atau latar tokoh serta keadaan dan perkembangan beliau dalam bidang lakonan, selain memberi fokus kepada perkembangan karier beliau sebagai pelakon seni tanah air. Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Meneliti latar belakang, sejarah permulaan, perjalanan, pencapaian dan pengalaman tokoh sepanjang berkecimpung di dalam industri seni tanah air sebagai pelakon.
- ii. Mendapatkan maklumat mengenai sumbangan tokoh dalam industri seni tanah air.
- iii. Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh tokoh berkaitan kerjayanya sebagai pelakon yang terkenal di Malaysia.
- iv. Mengetahui harapan tokoh kepada industri seni tanah air sebagai artis veteran.

## 4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai soalan-soalan yang penting dalam membantu mencari maklumat yang akan digunakan untuk mencapai objektif-objektif kajian. Soalan-Soalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah latar belakang tokoh, sejarah penglibatan serta pengalaman beliau dalam bidang seni?
- ii. Apakah sumbangan yang diberikan oleh tokoh sepanjang menjadi seorang penggiat seni negara?

- iii. Apakah cabaran yang dihadapi tokoh selama berkecimpung dalam bidang seni?
- iv. Apakah harapan tokoh kepada industri seni tanah air terutama bagi nasib artis-artis veteran yang lain?

## 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini dilihat dapat membantu generasi akan datang untuk mengenali dan menghormati artis-artis lama yang banyak memberi sumbangan dan impak kepada industri seni tanah air ini. Di samping itu, kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan di masa akan datang kerana maklumat yang dinyatakan di dalam kajian ini merupakan maklumat yang sahih kerana kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah sesi temubual secara terus dengan tokoh. Faedah lain yang dapat diberikan adalah masyarakat dapat mengetahui lebih mendalam tentang tokoh tersebut atas segala maklumat tentang beliau dan juga sumbangan yang beliau telah berikan kepada tanah air ini.

Pada masa yang sama, kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk memahami bahawa karya beliau sebagai pelakon perlu dicontohi oleh masyarakat umum dan pendatang baru dalam dunia seni. Melalui artikel ini, penyelidik boleh mengetahui tentang kerjaya lakonan tokoh di Malaysia. Penyelidikan seperti ini memudahkan pengguna dan penyelidik memahami industri seni kerana pelakon merupakan sumber manusia yang berperanan dalam mempertingkatkan hasil seni. Penyelidik juga dapat mengetahui tentang personaliti tokoh apabila berhadapan dengan isu dalam industri seni. Justeru, penting bagi rakan seangkatannya memahami sejarah keperibadiannya sebagai artis veteran yang berbangga dengan industri seni.

Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan dan membincangkan pengalaman beliau sebagai seorang pelakon yang berkecimpung dalam bidang seni ini buat sekian lama nya. Petikan ini akan merangkumi semua latar belakang Encik Zulkifli Ismail, serta pandangan dan pendapat beliau mengenai industri seni hari ini, yang penting untuk diketahui umum di peringkat antarabangsa.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Industri kreatif di Malaysia merupakan sektor yang penting dan berkembang pesat dan telah banyak menyumbang kepada ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Pihak kerajaan dan sektor swasta telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk menyokong pembangunan industri, termasuk subsidi, latihan dan peningkatan kemahiran, serta promosi dan pemasaran produk kreatif Malaysia di peringkat antarabangsa. Peranan teknologi dan internet juga telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan pasaran produk kreatif Malaysia. (Ismail sulaiman, 2023). Pada era digital membentuk tata cara kehidupan dan cara berfikir hampir seluruh pelosok dunia, industri kandungan kreatif menjadi wahana penting pembinaan tamadun bangsa yang sedar akan manfaat dan menguasainya. Dalam konteks tempatan, industri kreatif bukan sahaja untuk menjana ekonomi tetapi sama penting sebagai landasan mengangkat sosio budaya ke peringkat global. (Berita Harian Online, 2019).

Sebagai anak seni, semestinya mereka juga tidak terlepas dari cabaran dalam kehidupan. Keratan akhbar Berita Harian (2021) menceritakan tentang isu bayaran pelakon veteran yang tidak setimpal dengan bakat dan pengalaman, malah, ada antara mereka mendakwa diperlekehkan syarikat produksi, memberi bayangan rendahnya nilai diberi segelintir penggerak industri kreatif terhadap insan seni ini. Tidak hairanlah, isu bayaran tidak setimpal, layanan kelas kedua dan diugut syarikat produksi sering disuarakan pelakon veteran sejak dahulu lagi. Namun begitu, Metro (2023) melaporkan Pelakon Zulkifli melahirkan rasa bersyukur kerana tidak pernah berhadapan situasi mendapat bayaran rendah untuk setiap projek lakonannya kerana kebanyakan syarikat produksi memang sudah tahu harga ditetapkan.

Sorotan mengenai Zulkifli Ismail di Berita Harian Online (2021) melaporkan, minat mendalam Zulkifli dalam bidang penulisan menyebabkan beliau sentiasa aktif berkongsi berita dan menyalurkan maklumat perkembangan warga seni khususnya artis veteran di media social. Bagi Zulkifli, peminat perlu tahu perkembangan artis terutama bintang veteran kerana ramai makin melupakan kewujudan mereka. Ini adalah kerana masyarakat sekarang terutamanya generasi muda kurang mengenali artis veteran yang pernah menghiasi dan mengharumkan industri seni tanah air suatu masa dahulu.

Di dalam konteks kajian ini, gelaran artis veteran ini biasanya diberikan kepada golongan-golongan penggiat seni tanah air yang melibatkan diri dalam bidang nyanyian, lakonan, pembuatan lirik-lirik lagu, pengarah filem dan banyak lagi. Kisah artis veteran yang jarang menjadi bualan masyarakat akan tetapi merekalah orang-orang yang banyak memberi sumbangan kepada seni tanah air kita. Seperti tokoh yang telah dipilih bagi kajian ini iaitu Zulkifli Ismail, beliau merupakan seorang artis veteran yang bersemangat tinggi dan sentiasa menghiasi pesada industri seni tanah air dari dahulu sehingga sekarang. Beliau merupakan seorang pelakon serba boleh yang telah banyak menyumbang kepada dunia seni tanah air.

## 7. METODOLOGI

Penggunaan sejarah lisan sebagai satu cara untuk mendapatkan maklumat belum digunakan dengan sepertutnya. Sejarah Lisan merupakan proses temubual yang dijalankan untuk mengakses kepada kenang-kenangan seseorang yang terlibat dalam peristiwa-peristiwa yang penting dan maklumat-maklumat ini sungguh bernilai di dalam memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkaitan dari sudut yang luas. Sejarah Lisan adalah unik kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah. Pita rakaman dan transkrip sejarah lisan boleh menghidupkan cara mengajar di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi lain.

Kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat dalam proses menyiapkan kajian ini ialah dengan kaedah sejarah lisan iaitu melibatkan proses temubual bersama tokoh. Kaedah soal selidik merupakan salah satu kaedah untuk kaedah pengumpulan data buat kajian ini. Sumber sekunder juga digunakan bagi melengkapkan hasil kajian dan literatur iaitu dengan melayari internet dan mencari artikel berkenaan artis pilihan untuk memperincikan segala maklumat tentang artis tersebut. Bagi prosedur pengumpulan data, temubual dijalankan secara atas talian menggunakan *Google Meet* telah dijalankan bersama tokoh pilihan iaitu Encik Zulkifli Ismail bagi mengetahui tentang pengalaman pengalaman beliau sepanjang berada di dalam industri lakonan. Sebab utama sesi temubual ini dijalankan menggunakan online platform ialah disebabkan penularan virus COVID-19 yang berlaku mengakibatkan banyak batasan yang berlaku sebagai contoh rentas negeri.

Langkah pertama pengumpulan data ialah memilih tokoh yang sesuai untuk ditemu bual. Tokoh yang dipilih mestilah mempunyai semua kriteria yang diperlukan dan bersesuaian dengan kajian. Seterusnya, menyediakan soalan-soalan yang ingin ditujukan kepada tokoh dan memilih tarikh yang bersesuaian dengan masa tokoh tersebut. Kemudian, menentukan soalan apa yang perlu ditanya kepada tokoh tersebut bagi menjawab semua soalan di dalam kajian ini. Akhir sekali, mencatat semua jawapan yang diberikan oleh tokoh ketika beliau menjawab semua soalan yang diberikan. Antara bahagian penting dalam menyempurnakan kajian ini ialah mengkaji mengenai sumbangan dan pencapaian beliau selaku pelakon veteran di Malaysia ini.

## 8. HASIL KAJIAN

Encik Zulkifli bin Ismail adalah merupakan seorang pelakon seni tanah air yang mula bergiat sebagai anak seni dari tahun 1986 sehingga kini. Beliau dilahirkan di Alor Setar, Kedah dan mendapat pendidikan di beberapa buah sekolah sekitar Kedah. Pada tahun 1971, beliau mendirikan rumah tangga dan kini mempunyai dua orang cahaya mata. Selepas menamatkan pelajaran akhir beliau di peringkat sijil, beliau mula bekerja sebagai wartawan di Utusan Melayu dan mula menapak di Pulau Langkawi dan seterusnya menetap di Kuala Lumpur sehingga kini. Beliau pernah menggunakan beberapa nama samaran termasuk *Arjuna Setia* dan *Dzul Isma*. Sejak berusia 16 tahun, sajak-sajaknya sering tersiar di akhbar, majalah dan radio. Sajaknya yang pertama berjudul *Ramadhan Tiba Tika Aku Masih Lena* disiarkan di akhbar Bintang Timur. Beliau juga turut menyumbang rencana dan berita untuk akhbar tersebut. Pada tahun 1983, beliau pernah menyertai Utusan Melayu sebagai wartawan. Jodohnya dengan Utusan tidak lama, beliau meletakkan jawatan pada tahun 1985.

Penglibatan dalam bidang lakonan bermula pada tahun 1986, apabila beliau diperkenalkan oleh TV3 sebagai pelakon utama dalam slot cerekrama *Basikalku*. Pada tahun yang sama beliau ke Universiti Sains Malaysia untuk mengikuti pengajian Sijil Seni Kreatif. Sekembalinya dari USM, beliau menyertai RTM semula sebagai penulis skrip dan penyampai di unit Berita Ehwal Semasa. Sejak tahun 1992 hingga kini, beliau menjadi pelakon sepenuh masa. Pada tahun 2001 beliau menyertai siri Gerak Khas dengan memegang watak ASP Razlan. Beliau turut muncul dalam dua (2) filem *Gerak Khas* iaitu *Gerak Khas The Movie II* dan *GK3*. Beliau meninggalkan siri tersebut pada tahun 2011. Sebelum *Gerak Khas*, beliau pernah membintangi lebih serratus (100) buah drama termasuk *Opah, Angin Malam, Anak Merdeka, Imbasan, Allen Allien Sofiah, Penghubung Bayangan Ungu, Hutan Hijau, Pengasuh, Tak Logik, Nayan dan Nunis, Anak Kerbau, Menara Impian, Berarak Memori Jingga* dan *Mahligai Kaca*.

Industri seni khususnya lakonan tidak hanya mementingkan bakat semata-mata, bahkan bakat juga perlu seiring dengan pendidikan khususnya dalam seni lakonan supaya dapat membiasakan diri dan tidak tertinggal akan ilmu-ilmu penting yang perlu dalam seni berlakon. Industri seni lakonan sekarang dan dulu agak berbeza kerana dulu tidaklah terlalu terikat dengan pendidikan kerana pendidikan dalam lakonan pada era dahulu sangat terhad, tetapi dengan adanya institusi awam dan swasta yang menyediakan pelbagai kelulusan dalam bidang lakonan, ini dapat membuka lebih peluang kepada generasi muda agar menceburi bidang lakonan dan lebih bersaing dengan nama-nama anak seni tanah air kini yang sudah dikenali serata negara.

Melalui perkongsian bersama tokoh, beliau yang pada asalnya tidak mempunyai latar belakang seorang anak seni kerana tiada sesiapa yang dari generasinya yang mempunyai darah anak seni. Beliau juga pada awalnya menceburi bidang kewartawanan. Sepanjang sesi temubual, penyelidik mendapat pelbagai maklumat tentang latar belakang, keluarga dan perjalanan dan cabaran yang dihadapi sepanjang karier beliau sebagai seorang artis seni tanah air dari tahun 1986 sehingga kini. Daripada kajian ini, penyelidik mendapat banyak pendedahan dari tokoh berkaitan bagaimana liku-liku seorang pelakon dalam menempah nama dalam industri seni tanah air. Banyak pengalaman beliau yang melalui liku-liku hidup yang bermula sebagai seorang wartawan dan bertukar kerjaya sebagai seorang pelakon dan seterusnya menjadi salah satu karakter yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Beliau juga berpegang kepada prinsip bahawa kita jangan menyusahkan orang lain jika tidak ingin diri disusahkan orang lain pada masa akan dating sekaligus memberi peringatan kepada semua golongan masyarakat.



Gambar 1: Tokoh, Zulkifli Ismail sebagai ASP Razlan dalam drama bersiri *Gerak Khas*

## 9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dapat dijalankan dengan sempurna walaupun terdapat beberapa cabaran yang datang sepanjang dalam proses melengkapkan kajian ini kerana tokoh yang dipilih memberikan kerjasama yang baik. Diharapkan, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan untuk penyelidikan masa hadapan. Banyak yang dapat dipelajari daripada kajian ini kerana terdapat maklumat - maklumat yang amat menarik yang dikongsi oleh tokoh. Disamping itu, tokoh merupakan seorang yang amat mudah didekati dan merupakan seorang yang berpengalaman di dalam dunia lakonan sekaligus terdapat pelbagai ilmu yang dapat dipelajari daripada beliau.

Tambahan pula, beliau banyak memberikan pengajaran hidup dan juga kata-kata semangat buat anak muda yang ingin menceburi bidang lakonan, sebagai contoh meningkatkan ilmu pengetahuan supaya ia dapat membantu mereka di dalam bidang lakonan kelak. Beliau menyatakan bahawa ilmu merupakan segalanya jika ingin mendalamai bidang lakonan dan beliau menekankan bahawa bakat semata-mata tidak mencukupi untuk menjadi seorang pelakon yang baik. Walaupun beliau tidak pernah memenangi apa-apa anugerah atas segala usaha beliau sebagai seorang pelakon, beliau tidak pernah menyerah kalah atau berputus asa untuk terus memberikan yang terbaik dalam lakonannya dan amat bersyukur kerana masih berada di dalam industri seni buat sekian lamanya.

## RUJUKAN

- Ismail Sulaiman. (2023). Kesan dan potensi industri kreatif pasca Covid-19: Perbincangan kumpulan fokus. *Journal Of Creative Industry and Sustainable Culture* 2023, p112-130.
- Ku Seman Ku Hussain. (2019, November 14). Industri kreatif pembina tamadun dunia. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/11/628171/industri-kreatif-pembina-tamadun-dunia>
- Noraini Abd. Wahab. (2020, Jun 12). Jangan terlalu gembira kerana kura-kura itu adalah kita, – Zulkifli Ismail. *Media Hiburan*. <https://www.mediahiburan.my/jangan-terlalu-gembira-kerana-kura-kura-itu-adalah-kita-zulkifli-ismail/amp/>

Norhayati Nordin. (2023, April 30). Dengan pendapatan lakonan, dua anak Zulkifli Ismail ke menara gading. *Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2023/04/961877/dengan-pendapatan-lakonan-dua-anak-zulkifli-ismail-ke-menara-gading>

Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, Ogos 18). Zulkifli kongsi perkhabaran artis di media sosial. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/852656/zulkifli-kongsi-perkhabaran-artis-di-media-sosial>

Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, Sept 5). Zulkifli tinggal kerjaya wartawan demi lakonan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/09/860074/zulkifli-tinggal-kerjaya-wartawan-demi-lakonan>

Shalla Mahmud, F., & Mohd Sallehuddin, S. (2022). Artis veteran susut nilai. *Berita Harian*.<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>

Siti Azira Abd. Aziz. (2009, Feb 17). Pelakon veteran ‘beralah’ soal bayaran dengan artis muda. *mStar*. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2009/02/17/pelakon-veteran-beralah-soal-bayaran-dengan-artis-muda>